

NO. SOALAN :70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YBHG. DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

YBhg. Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [PAYA BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai dana Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang dibelanjakan sejumlah RM6 billion termasuk bagi tujuan pelaburan jangka panjang di dalam dan di luar negara FELDA serta apakah benar berlaku kehilangan dana berjumlah RM 4.3 billion seperti yang didakwa oleh pihak tertentu.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan kasar yang diterima oleh FELDA hasil daripada penyenaraian Felda Global Ventures Holdings Berhad pada Jun 2012 adalah berjumlah RM5.99 billion.

Sebanyak RM1.69 billion telah diperuntukkan untuk bayaran ‘durian runtuh’ kepada peneroka manakala baki sebanyak RM4.30 billion telah diperuntukkan bagi kategori-kategori seperti berikut:

Bil	Perkara	RM Juta
1.	Perbelanjaan Berkaitan Penyenaraian	1,157.33
2.	Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka	400.00
3.	Perbelanjaan Penebusan Saham	408.19
4.	Perbelanjaan Pengurusan	903.92
5.	Pelaburan Jangka Panjang	1,439.46
Jumlah Perbelanjaan		4,308.90

Oleh itu, dakwaan berlakunya kehilangan sebanyak RM4.31 billion daripada hasil perolehan tersebut adalah tidak benar.

Sekian, terima kasih.